



Ayat Tunggal

- 1 Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja.
- 2 Ayat ini terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.

Jenis-jenis Ayat

Jenis	Penerangan	Contoh
Ayat penyata	Menyatakan atau memaklumkan sesuatu perkara	Pencemaran alam sekitar semakin berleluasa.
Ayat seruan	Menyatakan atau menggambarkan perasaan dan disertai dengan kata seru	Aduh, sakitnya kakiku ini!
Ayat tanya	Menanyakan sesuatu perkara serta disertai kata tanya atau tanpa kata tanya dan diakhiri dengan tanda soal	Berapakah harga sepasang baju kebaya ini?
Ayat perintah	Memberikan suruhan, larangan, ajakan atau permintaan	Jangan berlindung di kawasan tinggi seperti pondok di atas bukit apabila berlaku kejadian tanah runtuh.



Praktis Berformat UASA

BAHAGIAN B

Praktis 1 Tulis jenis ayat yang betul bagi ayat-ayat di bawah. **ARAS R**

- (i) Mengapakah Akmar menolak lamaran jejaka itu?

- (ii) Fauziah meminati bidang pendidikan sejak kecil lagi.

- (iii) Sila isi borang permohonan ini dengan lengkap.

- (iv) Wah, cantik sungguh pemandangan di Gunung Jerai ini!

- (v) Jangan benarkan sesiapa pun masuk ke dalam bilik saya.

- (vi) Mengapakah orang Melayu tidak lagi membuat penyelidikan secara saintifik berkaitan dengan perubahan tradisional?
